

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Makan besar keluarga tak boleh lebih 15 ahli

Aktiviti keagamaan di rumah ibadat tertakluk SOP ketat

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Masyarakat Cina yang bakal merayakan Tahun Baharu Cina pada Jumaat dan Sabtu ini boleh meneruskan tradisi makan besar keluarga apabila Mesyuarat Teknikal Majlis Keselamatan Negara (MKN) semalam bersetuju meluluskan penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) sambutan perayaan itu.

Bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan petang semalam, berkata mesyuarat berkenaan yang dipengerusikan Menteri (Kanan) Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menetapkan tradisi makan besar keluarga pada 11 Februari itu hanya boleh dihadiri tidak lebih 15 ahli keluarga.

Katanya, hanya ahli keluarga terdekat yang tinggal dalam zon lingkungan 10 kilometer (km) radius dibenarkan hadir tanpa rentas daerah dan negeri.

Mesyuarat juga bersetuju untuk aktiviti keagamaan di rumah



Pengunjung mematuhi SOP ketika memilih perhiasan untuk sambutan Tahun Baharu Cina di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

ibadat pada 11, 12 dan 19 Februari dibenarkan dan tertakluk kepada SOP ketat.

"Bilangan kehadiran penganut di rumah ibadat tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa dengan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal," katanya.

Kenyataan itu menyebut, tempoh waktu sembahyang diperuntukkan selama 30 minit dan diselangai dengan kerja sanitasi selama 30 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.

Katanya, jadual waktu sembahyang bermula jam 6 pagi hingga 2 petang.

"Bagi aktiviti sembahyang pada 19 Februari hanya dibenar-

**Bilangan kehadiran penganut di rumah ibadat tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa dengan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.**

**Kenyataan Kementerian Perpaduan Negara**

di halaman rumah masing-masing pada waktu malam mengikut tradisi perayaan Tahun Baharu Cina bagi 'Hokkien Clan'.

"Pegawai Perpaduan yang dilantik sebagai Pegawai Peman-tau mengikut Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) melakukan pemantauan pematua-han SOP ditetapkan," katanya.

Pada masa sama, kenyataan itu menyebut, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamad Sadique turut menggalakan masyarakat Cina menyambut perayaan tahun ini dalam norma baharu dan sentiasa mematuhi SOP.

PKPD di dua penjara, kuarters disambung 14 hari lagi

**Kuala Lumpur:** Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Bentong dan Penjara Taiping serta kuarters kakitangannya disambung 14 hari lagi, bermula esok.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia hasil penilaian risiko Kementerian Kesihatan (KKM) bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berhubung situasi COVID-19 di kawasan berkenaan.

"Di Penjara Bentong dan kuarters kakitangannya, 2,085 ujian saringan sudah dibuat ke atas tahanan, kakitangan dan kontak rapat sebelum 767 kes positif COVID-19 direkodkan. KKM sahkan masih ada peningkatan kes positif di penjara itu.

"Sebanyak 13 kes positif terakhir dilaporkan pada Jumaat lalu," katanya menambah, di Penjara Taiping pula, KKM melaksanakan 544 ujian saringan setakat semalam dan 112 kes positif direkodkan merangkumi 90 banduan, 21 kakitangan serta seorang ahli keluarga.

Ismail Sabri berkata, 40 baki sampel saringan sedang menunggu keputusan dan ada tahanan masih bergejala di lokality itu.

Katanya, PKPD di Blok Transit (Blok Muhasabah) Penjara Jelabu, Negeri Sembilan ditamatkan mengikut jadual semalam selepas 49 kes positif sembuh sepenuhnya dan dibenar discaj, manakala 69 tahanan tamat tempoh Perintah Pengawasan dan Pemantauan di Rumah (HSO).

Sementara itu, beliau berkata, 789 individu ditahan kerana ingkar prosedur operasi standard (SOP) PKP dengan 764 dikompapun, 21 direman dan empat dibebaskan dengan jaminan, kelmarin.

Kesalahan dilakukan, 191 kes tidak memakai pelitup muka, rentas daerah dan negeri tanpa kebenaran (160), tiada penjarakan fizikal (110), gagal menyediakan peralatan, merekod diri dan pelanggan (128), premis beroperasi lebih masa serta tanpa kebenaran (41) dan keluar rumah tanpa alasan munasabah (23).

Katanya, Task Force Operasi Pematuhan membuat pemeriksaan terhadap 6,000 restoran, pasar raya (3,976), bank (3,717), penjaja (2,632), kilang (1,604), pejabat kerajaan (660), terminal pengangkutan darat (1,159), terminal pengangkutan air (256) serta terminal pengangkutan udara (95).

## Majlis pengebumian antara 7 kluster baharu

**Putrajaya:** Tujuh kluster jangkitan baharu COVID-19 dikesan semalam dengan satu daripadanya membabitkan majlis pengebumian di Sarawak membabitkan 59 kes positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Seruas membabitkan daerah Beluru dan Miri di Sarawak dengan kes indeks kluster itu dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Januari lalu hasil saringan individu bergejala.

"Kluster ini membabitkan satu majlis pengebumian yang berlangsung dari 25 hingga 27 Januari lalu dan nama kluster me-

rujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks, iaitu di Seruas, Bakong, Beluru," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Enam lagi kluster baharu direkodkan semalam ialah kluster keagamaan iaitu Kluster Lorong Mawar di Perak, tiga membabitkan tempat kerja iaitu Kluster Tapak Bina Lembah Selatan dan Kluster Jalan Bagan di Selangor serta Kluster Jalan Ganga Dua (Johor), manakala satu kluster lagi membabitkan komuniti iaitu Kluster Taman Segar di Perak, menjadikan jumlah keseluruhan kluster sebanyak 895, semalam.

Sebelum ini, satu kluster mem-

babitkan pengebumian pernah dilaporkan di Sarawak, iaitu Kluster Pasai yang menjangkiti 2,359 individu.

Mengulas Kluster Lorong Mawar, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan daerah Hilir Perak dan kes indeks bagi kluster itu dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Januari lalu hasil saringan individu bergejala.

"Kluster ini membabitkan satu perhimpunan keagamaan di Teluk Intan dan nama kluster merujuk lokaliti kediaman kes indeks, iaitu di Lorong Mawar, Taman Juta Intan, Teluk Intan.

"Sehingga kini, 65 individu su-

dah disaring dengan 14 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya.

Sementara itu, KKM semalam melaporkan 3,731 kes positif baharu COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes jangkitan wabak itu di negara ini sebanyak 242,452.

Beliau berkata, sebanyak 3,723 daripada kes baharu dilaporkan itu membabitkan jangkitan tempatan, manakala lapan lagi adalah kes import.

KKM turut merekodkan 15 lagi kes kematian semalam, menjadikan jumlah kematian membabitkan jangkitan COVID-19 sebanyak 872 setakat ini.

**Terkini COVID-19** 3,369 pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 3,731 kes baharu disahkan, semalam | 872 jumlah kematian dicatat | 242,278 jumlah kes disahkan positif | 51,241 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Lebih 6.41 juta ujian kesan jangkitan dijalankan

## Saringan RT-PCR, RTK-Antigen pekerja asing meningkat

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Kerajaan sudah menjalankan lebih 6.41 juta ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dan Rapid Test Kit Antigen (RTK-Antigen) bagi mengesan jangkitan COVID-19, sehingga Jumaat lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata peningkatan jumlah ujian RT-PCR dan RTK-Antigen itu susulan arahan kerajaan supaya majikan melakukan ujian terbabit kepada pekerja asing.

Pada tahun lalu, katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah melakukan lebih 3.32 juta ujian RT-PCR.

"Pada tahun ini, ujian yang sama merekodkan sebanyak 1.18 juta, manakala ujian RTK-Antigen pula merekodkan sebanyak 1.89 juta sehingga Jumaat lalu.

"Jumlah keseluruhan kedua-dua ujian ini sebanyak 6.41 juta dari tahun lalu sehingga Jumaat lalu, sekali gus menunjuk-



Dr Adham (tiga dari kanan) pada majlis penyerahan bantuan beg sekolah di Balai Raya Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, semalam.

kan satu jumlah yang tinggi bagi kedua-dua ujian pengesanan COVID-19 dalam tempoh satu bulan lima hari yang dilalui sebelum ini," katanya selepas majlis penyerahan bantuan beg sekolah di Balai Raya Taman Kota Jaya, di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan, semua majikan diwajibkan untuk memastikan pekerja asing yang digajikan mereka menjalani ujian saringan COVID-19 bermula 1 Januari 2021 bagi menanganikan penularan pandemik itu.

Menteri Sumber Manusia,

Datuk Seri M Saravanan, dilaporkan berkata kos bagi ujian saringan itu akan ditanggung oleh majikan.

Bagaimanapun, Saravanan berkata, bagi pekerja asing yang mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), ujian saringan boleh dibuat di klinik yang telah dilantik oleh PERKESO.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, langkah kerajaan mewajibkan majikan melaksanakan ujian saringan COVID-19 ke atas pekerja asing menyaksikan

berlaku peningkatan mendadak jumlah kes pesakit virus berkenaan yang perlu dirawat.

"Bagaimanapun, kadar kesembuhan COVID-19 juga meningkat.

"Kerajaan baru-baru ini turut mengumumkan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) ditubuhkan bagi memantau kes tidak bergejala yang perlu diberikan perhatian sama ada dibenarkan kuarantin di rumah, perlu ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC)," katanya.

## Tolak persepsi negatif terhadap penerimaan vaksin

**Kuala Lumpur:** Masyarakat dinasihat supaya mengubah sikap dan mentaliti bagi menangkis persepsi negatif terhadap penerimaan vaksin COVID-19.

Ia bagi mengelak daripada wujudnya situasi yang mampu merencatkan usaha berterusan pelbagai pihak dalam membendung pandemik itu.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrhi Buang, berkata masyarakat antara lain perlu memahami konsep 'kita jaga kita' secara menyeluruh bagi memastikan diri dan keluarga terhindar daripada jangkitan vi-

rus berkenaan.

Beliau berkata, bukti klinikal mengesahkan vaksin COVID-19 tidak memberi kesan sampingan yang buruk kepada penerima dengan ia sudah diuji selama kira-kira dua bulan ke atas jutaan rakyat di seluruh dunia.

"Melalui pengambilan suntikan vaksin, kita turut melindungi orang sekeliling yang mungkin tidak boleh menerimanya kerana berada dalam kelompok berisiko, seperti individu dengan sistem ketahanan lemah.

"Ada pihak menyuarakan ta-

kut mati akibat suntikan vaksin (COVID-19), tetapi kes sedemikian adalah terpercil dan tidak wajar digunakan sebagai alasan.

"Kadar kematian akibat denggi dan penyakit tidak berjangkit adalah lebih tinggi berbanding disebabkan daripada suntikan vaksin. Justeru, masyarakat perlu membuat penilaian dengan bijak," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kelompok masyarakat yang tidak pasti mengenai vaksin dengan kumpulan itu mewakili 17 peratus daripada keseluruhan respon-

den kajian kadar penerimaan vaksin COVID-19 di negara ini.

Antara keraguan atau persoalan membelenggu kelompok berkenaan adalah mengenai kesan sampingan, keselamatan dan keberkesanan vaksin COVID-19.

Amrhi berkata, masyarakat perlu merujuk kepada sumber sahih bagi mengelak daripada tertipu dengan dakyah diketegahkan kelompok antivaksin yang dikhuatiri berpandukan maklumat tidak tepat.

"Kita perlu hadapi perkara ini secara bersama bagi mengelak ia terus melarat. Setakat ini

pun sudah hampir setahun kita berdepan dengan COVID-19. Tiada gunanya kerajaan sediakan pelan, tetapi rakyat enggan beri kerjasama.

"Lebih membimbangkan apabila Malaysia kini dikategorikan sebagai antara negara terburuk dari segi kesan jangkitan, sejak Disember tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menjelaskan Kementerian Kesihatan (KKM) dijadual mengadakan sesi libat urus berkaitan vaksin COVID-19, minggu depan.

### Reaksi



**Saya akui bimbang dan belum buat keputusan sertai program imunisasi kebangsaan atau tidak. Ada tempoh beberapa minggu untuk berfikir mengenai suntikan ini.**

Raja Nurasyrul Raja Ali, Kakitangan awam



**Tiada alasan untuk tidak ambil suntikan vaksin ini. Ini peranan kita sebagai rakyat yang prihatin dan bertanggungjawab, mengelak penularan pandemik ini semakin teruk.**

Chong Szee Cshiang, Penjawat awam



**Saya bersedia untuk sertai program imunisasi kebangsaan dan dapatkan suntikan vaksin COVID-19. Saya sudah berusia dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan.**

Ruzlina Husin, Pesara



**Vaksin untuk cegah penularan COVID-19, sudah tentu saya akan ambil. Apa yang penting maklumat jelas mengenai program imunisasi perlu ditekankan dari semasa ke semasa.**

Puvaniten M Helan Govan, Usahawan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

## Boleh muat 1,500 pesakit Covid-19

**Shah Alam:** Stadium Malawati di sini beroperasi sebagai Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bagi daerah Petaling, mulai hari ini.

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, CAC itu menggantikan CAC Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di SS15 berikutan kapasitinya yang boleh menampung lebih ramai pesakit Covid-19.

"CAC di Dewan MPSJ boleh memuatkan 500 pesakit sehari berbanding CAC di Stadium Malawati yang boleh menampung 1,500 pesakit. Keputusan ini dibuat berikutan jumlah kes baharu di daerah Petaling yang meningkat," katanya, semalam.

Beliau berkata CAC itu beroperasi dari Isnin hingga Sabtu dan ditutup pada Ahad.

"CAC itu memainkan peranan menilai pesakit Covid-19 sebelum menempatkan mereka di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Serdang atau diarah menjalani kuarantin di rumah," katanya.

Beliau berkata, selain Stadium Malawati, CAC turut beroperasi di lapan daerah lain seperti di Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat.

Sementara itu, tinjauan di Stadium Malawati mendapati petugas Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Jabatan Pertahanan Awam sibuk membuat persiapan bagi memastikan operasi CAC berkenaan berjalan lancar. - Bernama

## Pasangan Orang Asli lari ditemui di pondok

**Kota Bharu:** Pasangan suami isteri Orang Asli yang menghilangkan diri daripada menjalani ujian saringan Covid-19 di Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai pada 4 Februari, ditemui kelmarin.

Ketua Polis Kelantan Datuk Shafien Mamat berkata pasangan itu ditemukan selepas anggota daripada Balai Polis Laloh menerima maklumat daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mengenai pasangan berkenaan, jam 5.30 petang.

Beliau berkata, susulan maklumat diterima sepasukan anggota polis mengesahkan dan menemukan pasangan itu di pondok sekitar Sungai Sam, Gua Musang.

"Pasangan Orang Asli itu beri kerjasama baik kepada polis dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dibawa ke HSIP bagi menjalani ujian saringan Covid-19 seterusnya menjalani kuarantin sehingga keputusan diperolehi," katanya, semalam.

Bernama sebelum ini melaporkan pasangan suami isteri Orang Asli yang berasal dari Pos Tohoi, Gua Musang itu menghilangkan diri ketika proses ujian saringan Covid-19, Khamis lalu.

Difahamkan, ujian saringan itu perlu dijalankan selepas anak perempuan mereka yang berusia 25 hari disahkan positif Covid-19. - Bernama

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

*Penularan COVID-19*

# Stadium Malawati boleh muat 1,500 pesakit

CAC di Dewan MBSJ pindah ke Shah Alam tampung peningkatan kes

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Stadium Malawati di Seksyen 13, di sini, akan dijadikan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) bagi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling mulai hari ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata stadium itu akan menggantikan CAC PKD Petaling terletak di Dewan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), SS15 sebelum ini.

Beliau berkata, Stadium Malawati dianggarkan boleh memuatkan antara 1,000 hingga 1,500 pesakit.

"CAC di Dewan MBSJ sebelum ini hanya boleh memuatkan maksimum hanya 500 pesakit.

"Susulan peningkatan kes yang semakin tinggi di daerah Petaling



**Stadium Malawati Shah Alam** dijadikan pusat pemeriksaan pesakit COVID-19 untuk Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling mulai hari ini. (Foto Aziah Azmee/BH)

kita memerlukan tempat yang lebih besar.

"Jadi, kita akan memindahkan CAC PKD Petaling di Subang ke Shah Alam," katanya ketika dihubungi semalam.

CAC Stadium Malawati akan beroperasi dari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8 pagi hingga 4 petang, manakala Sabtu jam 8

pagi hingga 12 tengah hari dan tidak beroperasi pada hari Ahad.

Selangor mempunyai 19 CAC di sembilan daerah, masing-masing satu di Petaling, Gombak, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang, manakala dua di Hulu Langat, Kuala Selangor (tiga) dan Sabak Bernam (sembilan).


Terdahulu, satu pesanan menerusi WhatsApp tular dalam kalangan penduduk sekitar Shah Alam yang memaklumkan PKD Petaling akan melakukan pengambilalihan Stadium Malawati untuk dijadikan CAC.

Orang awam dinasihat tidak ke kawasan berkenaan, selain untuk urusan berkaitan saja.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



DASUKAN Pengurusan Jenazah Pejabat Kesihatan Daerah Gombak dan anggota keluarga yang terlibat untuk menguruskan pengebumian jenazah pesakit Covid-19 lengkap memakai pakaian perlindungan diri (PPE) di sebuah Tanah Perkuburan Islam sekitar ibu kota, malam kelmarin.

Singapura

## SINGAPURA CATAT KES PERTAMA

Singapura sudah mengesan kes pertama kemungkinan kebolehhajngkitan semula Covid-19 yang membabitkan pekerja migran di sebuah asrama, demikian menurut Kementerian Kesihatan (MOH) republik itu.

Walaupun kebolehhajngkitan semula jarang berlaku, namun Kementerian selepas mendapat nasihat pakar dan menilai bukti klinikal dan makmal yang menunjukkan ia adalah kes kemungkinan kebolehhajngkitan semula.

Tambahan, melalui hasil ujian reaksi polimerase berantai (PCR) yang positif, Kementerian memaklumkan ada peningkatan yang nyata dalam titer antibodi berbanding tempoh sebelum kebolehhajngkitan dan 'mengesyaki pesakit terdedah kepada jangkitan baharu yang meningkatkan tahap antibodinya.'

"Virus yang dikesan di dalam sampel yang diambil pada Januari 2021 juga berbeza secara genetik dengan dengan wabak di asrama pada 2020 menunjukkan jangkitan ini berkemungkinan berbeza dan baharu," me-

# Bekas pesakit dijangkiti balik

“Setakat ini, tiada petunjuk bahawa pekerja yang pulih di asrama berkenaan mengalami kehilangan pasca imun jangkitan yang signifikan”

MOH

nurut Kementerian itu dalam satu kenyataan, kelmarin. Panel pakar terdiri daripada pakar penyakit berjangkit dan mikrobiologi dari Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID), Hospital Besar Singapura dan Makmal Kesihatan Awam Nasional. Menurut MOH, pihaknya akan terus memantau kes

Covid-19 yang dapat dipulihkan untuk menentukan pasca imun jangkitan pesakit.

"Setakat ini, tiada petunjuk bahawa pekerja yang pulih di asrama berkenaan mengalami kehilangan pasca imun jangkitan yang signifikan," katanya.

Kementerian memaklumkan, pekerja berkenaan yang sebelum ini dilabelkan sebagai kes 2,513 dikenal pasti daripada pemeriksaan pemantauan berjadual yang dijalankan sebagai sebahagian daripada pengawasan terhadap pekerja yang telah pulih bagi memantau pasca keimunan jangkitan mereka.

MOH memaklumkan kes membabitkan lelaki warga Bangladesh berusia 28 tahun yang mempunyai permit kerja yang tinggal di asrama, di 43 Tech Park Crescent.

Beliau disahkan menghidap jangkitan Covid-19 pada 12 April 2020 dan kemudian pulih dan secara konsisten diuji negatif untuk jangkitan Covid-19 sejak Jun 2020.

Bagaimanapun, pada 25 Januari lalu, hasil ujian jangkitan Covid-19 adalah positif dan beliau diasingkan.

"Banyak ujian berulang yang dilakukan juga mendapati positif terhadap jangkitan Covid-19," menurut Kementerian itu.

MOH juga memaklumkan pekerja itu yang kini ditempatkan di NCID dilaporkan tidak sihat pada 22 dan 23 Januari, namun tidak mengalami gejala.

Setakat ini, semua kontak rapat kes berkenaan yang dikenal pasti diuji negatif Covid-19 dan diasingkan serta dikuarantin.



SEORANG petugas kesihatan menunggu orang ramai melakukan ujian saringan Covid-19 di Petaling Utama, semalam.

## Tunggu pandemik terkawal dahulu

KUALA: Kerajaan akan mempertimbangkan pengecualian berhubung pembekuan pengambilan pekerja asing sekiranya pandemik Covid-19 terkawal.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ketika ini kerajaan mengutamakan tenaga kerja sedia ada meliputi sektor perladangan dan komoditi.

Katanya, selain menggerakkan kempen bagi memastikan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi, peruntukan akan disalurkan bagi menggantikan tenaga kerja asing dengan warga tempatan.

"Pekerja asing adalah dasar semasa kita (kerajaan) iaitu dengan membekukan dahulu kehadiran atau penerimaan warga asing bagi semua sektor, hanya bergantung kepada yang sedia ada sahaja yang boleh di-

perbaharui.

"Kita gerakkan kempen untuk semua peringkat di sektor sawit, perikanan, getah dengan melakukan SOP yang ketat. Kalau itu kita laksanakan, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan pengecualian. Tapi bergantung kepada kejayaan kita mengawal tenaga kerja sedia ada di peringkat sektor berkaitan.

"Sebagai contoh, bagi sektor getah, kerajaan menyediakan dana RM36 juta untuk diberi kepada syarikat yang berjaya mengambil pekerja tempatan menggantikan pekerja asing yang mana RM600 sebulan diperuntukkan bagi seorang pekerja selama enam bulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika mengadakan lawatan kerja ke Projek Tanaman Lada Berkelompok di Felda Inas Utara, dekat sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Sebanyak 6.4 juta ujian saringan Covid-19 menggunakan Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dan Ujian Rapid Antigen (RTK-AG) dilaksanakan sehingga Jumaat lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, ujian untuk tahun ini saja meningkat disebabkan saringan yang perlu dilaksana-

## 6.4 juta ujian saringan Covid-19 direkod

kan majikan kepada pekerja bersasar.

"Jumlah RT-PCR sepanjang tahun lalu saja mencecah 3,332,554 dengan kadar positif 4 peratus. Pada 2021 (tahun ini), jumlah RT-PCR ialah 1,188,284 dengan kadar kes positif 9.96 peratus.

"Ini satu jumlah tinggi un-

tuk tempoh sebulan lima hari manakala ujian menggunakan RTK-AG sehingga kini pula berjumlah 1,893,727 sudah dilakukan," katanya ber-kongsi perkembangan terkini jumlah saringan Covid-19 di Balai Komuniti Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor, semalam.

Beliau berkata, perkemba-

ngan itu menunjukkan kerajaan memandang serius terhadap ujian saringan berkenaan bagi mengesan, menguji dan mengasingkan kes bergejala mahupun tidak dengan pantas.

"Bagi kes bergejala kita lektakkan di hospital dan dirawat. Seperti diumumkan

baru-baru ini, Pusat Penilaian Covid-19 ditubuhkan untuk memantau kes tidak bergejala yang perlu kita beri perhatian sama ada dibenarkan isolasi di rumah mahupun ke hospital.

"Malah, kita juga menerima maklum dengan adanya arahan kerajaan untuk

majikan dan pengusaha melaksanakan ujian. bersasar kepada pekerja mereka, kita dapati ada peningkatan jumlah kes yang perlu dikesan, diasing dan dirawat cepat.

"Selain itu, kadar kesembuhan kita sudah pun semakin meningkat dengan baik dan kita yakin segala bentuk pencegahan dan kawalan dapat dilakukan dengan baik," katanya.



SAMSUDIN Junoh, 51, (kanan) bersama isterinya, Wan Rohana Wan Noh, 42, menjaja di hadapan rumah untuk meraih pendapatan menyara keluarga sejak Perintah Kawalan Pergerakan kali kedua (PKP 2.0) dilaksanakan semasa tinjauan di Kampung Peramu, Kuantan.

# 15 kematian dilaporkan

8 kes import, 3,723 kes penularan dalam negara direkod semalam

Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penularan Covid-19 merekodkan 3,731 kes baharu, semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 dalam negara meningkat kepada 242,452 kes dengan kebolehbajangkitan 51,241 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu, ada lapan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula adalah

**3,369**

Bilangan kes sembuh Covid-19

3,723 kes.

"Selangor melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 1,606 kes dengan 1,025 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak 499 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 372 kes.

"Sebanyak 43 kes (daripada keseluruhan kes) yang dilaporkan pula adalah ber-

kaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigrasi, dan penjara yang memabitkan Kluster Tembok Sungai Udang (18 kes), Kluster Tembok Taiping (9 kes), Kluster Tembok Renggam (7 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (5 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3), dan Kluster Tembok Mempaga (1 kes)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 3,369 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih dalam negara adalah 190,339 kes.

Beliau turut memaklum-

kan, terdapat pertambahan 15 kematian semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 872 kes atau 0.36 peratus.

"Sehingga kini, terdapat 292 kes positif Covid-19 yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 140 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"KKM turut mengesan tujuh kluster baharu hari ini (semalam) iaitu Kluster Tapak Bina Lembah Selatan, Kluster Jalan Bagan, Kluster Ampang Campuran, Kluster Jalan Gangsa Dua, Kluster Seruas, Kluster Taman Segar dan Kluster Lorong Mawar," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

3,731 kes harian, 3,369 pesakit sembuh serta 15 kematian direkodkan

## Tujuh kluster baharu dilaporkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kluster melibatkan majlis pengebumian serta perhimpunan keagamaan antara tujuh kluster baharu dikenal pasti semalam, yang antara lain penyumbang kepada 3,731 kes harian Covid-19.

Tujuh kluster baharu yang dilaporkan itu membabitkan tiga kluster berkaitan tempat kerja, dua kluster komuniti serta masing-masing satu kluster keagamaan dan kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Selangor kekal mencatatkan kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,606 kes dengan 1,025 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif di lapangan, diikuti Johor (499 kes) dan Kuala Lumpur (372 kes).

Terdapat 15 kematian dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Kedah dan Johor melibatkan lapan lelaki dan tujuh wanita berusia 18 hingga 94 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan,



SEORANG wanita menjalani ujian saringan Covid-19 anjuran kerajaan negeri Selangor di PJS 1, Petaling Jaya semalam. – SHIDDIQIIN ZON

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 81 kluster melaporkan pertambahan, dengan kes tertinggi membabitkan Kluster Industri Serkam (246 kes), Kluster Gudang Salak Tinggi (127 kes) dan Kluster Tapak Bina Lembah Selatan (99 kes).

Menurutnya, kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Seruas di Beluru dan Miri, Sarawak dengan 59 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan satu majlis pengebumian.

"Kluster Lorong Mawar di Hilir Perak, Perak dengan 14 kes iaitu

kes indeks bergejala serta melibatkan satu perhimpunan keagamaan di Teluk Intan.

"Kluster Ampang Campuran di Cheras, Kuala Lumpur dan Hulu Langat, Selangor dengan 14 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan penghuni dan pekerja sebuah pusat jagaan di Lorong Ikan Jelawat, Kampung Ampang Campuran, Ampang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Lembah Selatan pula di Sepang melibatkan 222 kes hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Bandar Baru Lembah Selatan, Dengkil, Sepang.

"Kluster Jalan Bagan dikenal pasti di Sabak Bernam dan Klang dengan 22 kes iaitu kes indeks bergejala, manakala kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian di Jalan Bagan Terap, Kampung Batu 38, Sabak Bernam.

"Selain itu, Kluster Jalan Gangsa Dua di Johor Bahru, Johor dengan 30 kes iaitu hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan

### COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	3,731
Import:	8
Tempatan:	3,723
Pulih	3,369
• Kematian	15
• Masih dirawat	51,241
• Jumlah kes sembuh	190,339
• Jumlah Kematian	872
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>242,452</b>

Gangsa, Kawasan Miel, Pasir Gudang," katanya.

Ujarnya, akhir sekali ialah Kluster Taman Segar di Muallim, Perak dengan 16 kes dikesan hasil kes indeks bergejala.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NEGARA

Jumlah ujian pengesanan RTK-Antigen, RT-PCR yang dibuat sehingga Jumaat lalu

## 6.41 juta individu telah jalani saringan

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Lebih 6.41 juta individu telah menjalani ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dan Rapid Test Kit Antigen (RTK-Antigen) untuk mengesan jangkitan Covid-19 sehingga Jumaat lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, individu yang menjalani ujian terbit mencatatkan pertambahan mendadak susulan para majikan mewajibkan pekerja asing mereka melaksanakan ujian saringan Covid-19 tersebut.

"Bagi ujian RTK-Antigen, sebanyak 1.89 juta ujian saringan dijalankan sejak tahun lalu sehingga kini.

"Bagi ujian RT-PCR, sebanyak 3.33 juta dibuat pada tahun lalu, manakala bagi tahun ini sebanyak 1.18 juta sehingga



ADHAM (tengah) menyerahkan sumbangan beg sekolah di Balai Raya Taman Kota Jaya, Johor Bahru semalam.

Jumaat lalu.

"Ini menunjukkan satu jumlah yang tinggi bagi kedua-dua ujian

pengesanan Covid-19 dalam tempoh satu bulan lima hari yang telah dilalui sebelum ini,"

katanya ketika ditemui selepas program penyerahan beg sekolah di Balai Raya Taman Kota Jaya, di

sini semalam.

Adham Baba yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, kerajaan memandang serius perkembangan terhadap dua ujian berkenaan bagi membolehkan tindakan susulan dilakukan terhadap mereka dijangkiti.

"Kerajaan cukup serius dengan ujian RT-PCR dan RTK-Antigen. Ini kerana, melalui ujian tersebut, kita dapat mengesan dengan cepat mereka yang dijangkiti Covid-19.

"Selepas mendapat keputusan daripada ujian yang dilakukan langkah seterusnya akan diambil. Bagi kes bergejala, mereka akan ditempatkan di hospital untuk dirawat.

"Bagaimanapun, kadar kesembuhan Covid-19 juga meningkat. Kita yakin langkah yang dilaksanakan untuk menangani dan mengatasi Covid-19 dilaksanakan dengan baik," tambahnya.

## Pusat penilaian Covid-19 di Stadium Malawati mula hari ini

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

**SHAH ALAM** – Stadium Malawati yang terletak di Seksyen 13 di sini akan beroperasi sebagai Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) bermula hari ini.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, CAC berkenaan akan menggantikan CAC Dewan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di SS15, Subang Jaya bagi daerah Petaling.

Katanya, pengoperasian itu susulan kapasiti stadium itu yang boleh menampung lebih ramai pesakit Covid-19.

"CAC Stadium Malawati boleh menempatkan sehingga 1,500 pesakit berbanding Dewan MPSJ yang hanya mempunyai kapasiti seramai 500 pesakit sehari.

"Keputusan ini dibuat berikutan jumlah kes baharu di daerah Petaling yang meningkat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Setakat kelmarin, jumlah kumulatif kes di Petaling mencecah 19,609 merangkumi mukim Bukit Raja, Damansara, Petaling, Sungai Buloh dan penjara.

Kata beliau, CAC berkenaan akan beroperasi dari Isnin hing-

ga Sabtu sahaja dan berperanan menilai pesakit Covid-19 sebelum menempatkan mereka di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Serdang atau hanya diarahkan menjalani kuarantin di kediaman masing-masing.

"Selain itu, CAC akan menjalankan penilaian dan pelepasan kepada kes positif yang telah melebihi 10 hari.

"CAC juga turut beroperasi di lapan daerah lain seperti di Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat," jelasnya.



STADIUM MALAWATI beroperasi sebagai CAC bermula hari ini menggantikan CAC Dewan MPSJ, Subang Jaya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## 6.41 juta ujian RT-PCR, RTK-Ag dijalankan

KOTA TINGGI - Kementerian Kesihatan memaklumkan sehingga 5 Februari, Malaysia telah menjalankan sejumlah lebih 6.41 juta ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) dan *Rapid Test Kit Antigen* (RTK-Ag) untuk mengesan jangkitan Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, peningkatan jumlah kedua-dua ujian tersebut disebabkan langkah kerajaan mewajibkan majikan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap pekerja asing yang digajikan mulai 1 Januari tahun ini.

"Pada tahun 2020, ujian RT-PCR dan RTK-Ag direkodkan sebanyak 3.33 juta manakala bagi tahun ini sehingga 5 Februari, ujian bagi RT-PCR dire-



Dr Adham (kanan) menerima al-Quran daripada Hashim di Balai Raya Taman Kota Jaya, Kota Tinggi pada Ahad.

kodkan 1.18 juta dan RTK-Ag sebanyak 1.89 juta.

"Ini menunjukkan satu jumlah yang tinggi bagi kedua-dua ujian pengesanan Covid-19 dalam tempoh satu bulan lima hari," katanya.

Dr Adham berkata, kerajaan serius dengan ujian RT-PCR dan RTK-Ag kerana melalui ujian ini

dapat mengesan dengan cepat individu yang dijangkiti Covid-19.

Terdahulu, Ahli Parlimen Tenggara itu menerima sumbangan al-Quran oleh Sekretariat Wakaf Al-Quran Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Hashim Anang di Balai Raya Taman Kota Jaya di sini pada Ahad.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 3,731 kes baharu, 15 kematian

Jumlah sembuh harian meningkat sekali ganda dengan 3,369 kes

KUALA LUMPUR

**K**es sembuh harian Covid-19 meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh 24 jam lepas berbanding Sabtu dengan 3,369 kes direkodkan pada Ahad sementara kes baharu pandemik itu pula ialah 3,731 kes.

Sejumlah 15 kematian akibat Covid-19 dilaporkan menjadikan

jumlah keseluruhan kematian ialah 872 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 di Malaysia kini 190,339 kes manakala jumlah kumulatif kes positif Covid-19 ialah 242,452 kes.

"Jumlah keseluruhan kes aktif Covid-19 dengan kebolehtangkitan dalam negara pula 51,241 kes," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu, lapan adalah kes import melibatkan empat rakyat Malaysia yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan Covid-19 dalam

negara pula adalah 3,723 kes melibatkan 1,946 warga tempatan.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 292 orang kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 140 daripada mereka memerlukan bantuan alat pernafasan.

"Kes kematian pada Ahad kesemuanya melibatkan warganegara iaitu lapan lelaki dan tujuh wanita berusia 18 hingga 94 tahun dengan 14 daripada mereka berpenyakit," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tujuh kluster baharu dilaporkan



DR NOOR HISHAM

menjadikan jumlah kluster aktif kini ialah 441 dengan 81 daripadanya mencatatkan pertambahan kes.

Beliau berkata, daripada tujuh kluster baharu itu, tiga memababitkan tempat kerja iaitu Kluster Tapak Bina Lembah Selatan dan Kluster Jalan Bagan di Selangor serta Kluster Jalan Gangsa Dua (Johor) manakala dua kluster melibatkan komuniti iaitu Kluster Seruas (Sarawak) dan Kluster Taman Segar (Perak).

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Lorong Mawar di Perak

pula melibatkan aktiviti keagamaan dan satu lagi kluster baharu ialah kumpulan berisiko tinggi, Kluster Ampang Campuran di Selangor.


"Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Ahad adalah Kluster Industri Serkam (246 kes), Kluster Gudang Salak Tinggi (127) dan Kluster Tapak Bina Lembah Selatan (99).

"Jumlah kluster yang telah tamat pula sebanyak 454 kluster termasuk tujuh kluster yang tamat pada Ahad iaitu Kluster Pintu Geng, Kluster Ehsan Ibol, Kluster Persiaran Heights, Kluster Langkasuka, Kluster Wawasan, Kluster Jalan BBN, dan Kluster Texmüle," katanya. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 7 Februari 2021

### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 238,721 kes kepada 242,452 kes

### JUMLAH KES AKTIF



### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	242,452	PULIH:	190,339	ICU:	292	KEMATIAN:	872	KES BAHARU	+3,731
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-----	------------	--------



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Angka Covid-19 bukan direka

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Jumlah kes positif Covid-19 yang meningkat sehingga melebihi 5,000 kes sehari baru-baru ini bukan direka kerajaan.


Setiap angka harian yang direkodkan diperoleh melalui data masa nyata yang dibangunkan oleh *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Covid-19 Surveillance*.

Data berkenaan merekodkan sejarah kes Covid-19 yang menular di sesuatu tempat, termasuk data lengkap individu positif di kawasan itu termasuk punca mereka dijangkiti.

Menjelaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, dakwaan segelintir masyarakat bahawa kes harian itu dimanipulasi boleh dibuktikan melalui data *real time* yang dibangunkan CPRC Covid-19 Surveillance.

"Ini adalah data sebenar taburan kes positif di seluruh negara. Kamu lihat sendiri boleh dikatakan semua kawasan 'merah' menunjukkan ada sejarah kes Covid-19 berlaku di situ," katanya.

Dr. Adham turut menunjukkan skrin utama yang memaparkan maklumat kes Covid-19 yang merebak di seluruh negara, sekali gus membuktikan setiap tempat 'tidak selamat' dan berisiko jangkitan wabak itu.



**DR. Adham Baba menunjukkan monitor pengawasan dan pemantauan CPRC Covid-19 kepada wartawan *Utusan Malaysia*, Maisarah Sheikh Rahim ketika ditemu bual di Kementerian Kesihatan, Putrajaya baru-baru ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

*Utusan Malaysia* menjadi media pertama berpeluang menyaksikan data masa nyata tersebut yang tidak pernah didedahkan kepada umum sebelum ini.

Data berkenaan merekodkan sejarah kes Covid-19 yang menular di sesuatu tempat, termasuk data lengkap indi-

vidu positif di kawasan itu dan punca mereka dijangkiti.

"Jadi, bagaimana nak kata jumlah kes positif di negara ini hanya direka cipta semata-mata untuk kepentingan kerajaan sebagaimana dakwaan pihak tertentu?"

"Kamu tengok sendiri data-

data yang dikumpulkan ini sebagai bukti, setiap tempat mesti ada kes Covid-19. Saya sendiri tidak boleh tidur lena memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan kes Covid-19 ini setiap hari," katanya ketika ditemui di pejabat beliau baru-baru ini.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

## 40pc of 3,731 cases come from Selangor

**KUALA LUMPUR:** Malaysia recorded 3,731 new Covid-19 cases up to noon yesterday, with Selangor accounting for more than 40 per cent of the infections.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor had 1,606 new cases, followed by Johor (499) and Kuala Lumpur (372).

The latest Covid-19 figures bring the total number of cases in the country to 242,452, 51,241 of which are active cases.

Dr Noor Hisham said of Selangor's 1,606 cases, 1,025 were detected from clusters and close-contact screening.

He said 3,723 cases were local transmissions (1,946 involving Malaysians and 1,777 foreigners) while eight were imported, involving four Malaysians and four foreigners.

A total of 292 cases are being treated at the Intensive Care Units, with 140 people requiring breathing assistance.

The death toll from the virus rose to 872 after 15 more Covid-19 fatalities were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre yesterday.

All patients had an underlying medical condition, except for case 232,300, a 94-year-old local woman who died at Serdang Hospital.

The number of recoveries rose

to 3,369 over the past 24 hours, which brings the cumulative recoveries to 190,339.

Dr Noor Hisham said seven new clusters were detected yesterday from workplaces, community, religious activity-related and high-risk groups.

"Three workplace clusters were detected, that is, the Tapak Bina Lembah Selatan cluster and Jalan Bagan cluster in Selangor. The third, in Johor, is known as the Jalan Gangsa Dua cluster."

The three clusters had a combined 274 cases.

The community clusters — Seruas and Taman Segar clusters — were detected in Sarawak and Perak respectively. Up to noon yesterday, there were 75 cases from both clusters.

On the cluster involving religious activity, he said the Lorong Mawar cluster recorded 14 new infections in Perak, while the high-risk group cluster, the Ampang Campuran cluster in Selangor, had 14 cases. There are 441 clusters nationwide.

"The clusters with the highest number of cases were Industri Serkam (246), Gudang Salak Tinggi (127), and Tapak Bina Lembah Selatan (99)."

He said seven clusters ended yesterday: Pintu Geng, Ehsan Ibol, Persiaran Heights, Langkasuka, Wawasan, Jalan BBN and Texmile.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

COVID-19 ASSESSMENT CENTRE

# MALAWATI STADIUM TURNS INTO C.A.C.

It is replacing MPSJ Hall due to rising cases in Petaling, can accommodate 1,500 patients

THARANYA ARUMUGAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Health Ministry has taken an immediate measure to set up a Covid-19 Assessment Centre (CAC) at Malawati Stadium in Shah Alam as the Petaling district continues to record a high number of positive cases.

Selangor Health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman said the move was also initiated to overcome issues concerning delays in contact tracing and the issuance of wristbands to close contacts.

He said the stadium, which would be able to accommodate more patients, would replace the CAC at the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) Hall at SS15, hence the total number of CAC in Selangor remained at 19.

"The decision to replace the MPSJ Hall with Malawati Stadium was made due to the increasing number of new cases in the Petaling district.

"Compared to the CAC at MPSJ Hall, which could accommodate only 500 patients a day, Malawati Stadium has a capacity of up to 1,500 patients.

"Now, there are more spaces available to ensure a quick, efficient and seamless healthcare delivery system for patients.

"This would prevent issues of backlogs or delays in attending to Covid-19 patients and their close contacts," he told the *New Straits Times* when contacted yesterday.



A frontliner arranging chairs that are distanced from one another yesterday as part of preparations to turn Malawati Stadium in Shah Alam into a Covid-19 Assessment Centre. PIC BY AZIAH AZMEE

Selangor logged 22,517 cases from Jan 24 until Feb 6. Of that, Petaling district registered the highest number of cases at 9,599, Damansara with 3,747 cases, Petaling (3,586), Sungai Buloh (1,659) and Bukit Raja (607).

This was followed by Hulu Langat with a cumulative total of 3,633 over the 14-day period, Klang (3,299), Sepang (2,074),

Gombak (1,667), Kuala Langat (1,064), Kuala Selangor (628), Hulu Selangor (382) and Sabak Bernam (171).

Dr Sha'ari said the stadium would start operating as a CAC for the Petaling district beginning today from Mondays to Saturdays. It will be closed on Sunday.

He said to ensure sufficient manpower at all 19 CAC in Selangor, the ministry would work closely with the state government to mobilise health personnel to the respective CAC.

"We cannot put a fixed number on health personnel stationed at Malawati Stadium and any other CAC as they will be mobilised on a daily basis depending on the number of appointments given out to Covid-19 patients and close contacts.

"The state government is also willing to assist us by mobilising their officers.

"Therefore, once we have the number of patients and close contacts expected to visit a CAC,

we will ensure adequate health workers are deployed to the CAC."

He explained that at the CAC, Covid-19 patients would be assessed to determine if they should be sent to the hospital, Covid-19 Quarantine and Treatment Centre in Serdang, or to undergo quarantine at home.

Besides Malawati Stadium in Petaling, the ministry has set up CAC in eight other districts — Gombak, Hulu Langat, Klang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor and Sabak Bernam.

NST had on Feb 4 quoted medical experts as saying there was an urgent need to open more CAC, as well as employ and deploy more public health medicine specialists at these centres.

The experts said when patients were left on their own, the risks would be in delayed contact tracing and letting loose other potentially infected patients out in public.

Asked if more CAC would be opened up in Selangor, Dr Sha'ari said there was no need for it at the moment as existing centres had been set up in the respective locations after looking at data.

Meanwhile, a check by Bernama at Malawati Stadium yesterday found that the Petaling District Health Office, Shah Alam City Council and Civil Defence Department were making preparations to ensure smooth operations at the CAC today.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had on Feb 6 said Selangor recorded the highest daily Covid-19 infectivity rate (Rt) in the country at 1.13 up to Feb 5, higher than the Rt for the whole country, which stood at 0.99.

This is followed by Johor at 1.12, Melaka (1.09), Kuala Lumpur (1.06), Sarawak (1.05), Pahang (1.01) and Terengganu (1.00).

Other states recorded readings of below one.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

## Stadium turned into Covid-19 testing centre

**SHAH ALAM:** The Malawati Stadium here has begun operating as a Covid-19 Assessment Centre (CAC) for the Petaling district.

Selangor Health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman said the CAC, which can accommodate more patients, would replace the one at Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) Hall in SS15, Subang Jaya.


"The CAC at MPSJ Hall only has a capacity of 500 patients a day, while Malawati Stadium can accommodate up to 1,500 patients.

"The decision was made due to the rising number of cases in the Petaling district," he said yesterday.

Dr Sha'ari said the CAC at Malawati Stadium would operate from today to Saturday.

At the CAC, Covid-19 patients will be assessed before they are sent to hospital, Covid-19 Quarantine and Treatment Centre in Serdang or told to undergo quarantine at home.

Besides Malawati Stadium, there are also CACs operating in eight other districts. — Bernama



**Final preparations:** Health workers setting up tables and chairs at Malawati Stadium in Shah Alam ahead of its launch as a CAC for the Petaling district. — Bernama

## More than six million tests done since 2020

**JOHOR BARU:** A total of 6,414,565 Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) and RTK Antigen tests have been conducted from last year until Feb 5 this year, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said 3,332,554 of the RT-PCR tests were conducted last year.

This year alone, as of Feb 5, 188,284 RT-PCR tests were conducted. This high number in a short period was due to the mandatory testing of foreign workers.

Dr Adham also said a total of 1,893,727 RTK tests had been conducted up until last Friday.

"This shows that the government is paying attention to the RTK antigen or RTK-PCR tests so that we can detect Covid-19 cases fast.

"The sooner we test, the sooner we get to isolate them," he said in a statement yesterday.

He said the setting up of the Covid-19 Assessment Centre last month was also important to monitor asymptomatic cases. — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# Selangor still tops case list

## State makes up almost half of the 3,731 new infections

By AUSTIN CAMOENS  
austin@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia recorded 3,731 new Covid-19 cases with Selangor contributing 1,606 cases or 43% of them.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 3,369 patients were discharged yesterday, bringing the total number of recoveries to 190,339.

Cumulatively, the country's total number of cases since the outbreak began stood at 242,452.

There were also 15 new fatalities, pushing the death toll to 872.

Currently, 292 people were being treated at intensive care units with 140 of them requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham said Selangor still has the highest cases, followed by Johor (499), Kuala Lumpur (372), Melaka (313), Penang (250), Sarawak (219) and Sabah (160).

He said seven new Covid-19 clusters have been detected in Selangor, Johor, Sarawak and Perak.

"In Selangor, the two clusters are the Lembah Selatan construction site and Jalan Bagan while in Johor, the Gangsa Dua cluster was detected. All three are workplace clusters.

"The two community clusters were Seruas in Sarawak and Taman Segar in Perak," he said.

A religious cluster, known as Lorong Mawar, was detected in



**Safety precautions:** Workers sanitising a temple ahead of Chinese New Year in Port Klang. — Bernama

Perak while a high risk group cluster has been identified in Ampang Campuran in Selangor.

Dr Noor Hisham also said seven existing clusters have ended.

These are the Pintu Geng, Ehsan Ibol, Persiaran Heights, Langkasuka, Wawasan, Jalan BBN

and Texmile clusters.

"A total of 81 clusters reported new cases with Serkam Industry cluster recording the most at 246 cases, others being the Salak Tinggi Warehouse cluster (127) and Lembah Selatan construction site cluster (99)," he said.

Dr Noor Hisham said 43 cases were linked to lockups: Tembok Sungai Udang cluster (18 cases), Tembok Taiping (nine), Tembok Renggam (seven), Jalan Harapan Prison (five), Seberang Perai Prison (three) and Tembok Mempaga (one).